

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP KEMENTERIAN KERJA RAYA

Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian telah menyampaikan Sijil Kontraktor Penyiap kepada 96 kontraktor penyiap dalam satu majlis di Bilik Tanjung, Kompleks Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya (KKR).

Majlis ini merupakan majlis penyampaian sijil siri kedua, yang mana sebelum ini, majlis yang serupa telah diadakan pada 27 Mac 2018 semasa Minggu Pembinaan Antarabangsa (International Construction Week - ICW) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sewaktu Pra Kelayakan Siri Kedua Kontraktor Penyiap yang dibuka bermula pada 23 Mei 2018 hingga 28 Julai 2018 kepada 301 kontraktor, kesemua kontraktor penyiap perlu melepasi tiga (3) peringkat saringan dan seterusnya dinilai berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Hasil daripada peringkat saringan ini, 96 kontraktor penyiap telah berjaya dan menerima pengiktirafan pada hari ini serta akan berpeluang untuk menyertai pelawaan perolehan secara tender terbuka bagi Projek - projek Sakit oleh semua Agensi Kerajaan.

Turut hadir pada Majlis ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Infra, Jabatan Kerja Raya (JKR), YBhg Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj. Osman, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bangunan, JKR, Tuan Ar. Zairul Azidin bin Badri dan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pakar, JKR, Tuan Ir. Kamaluddin bin Abdul Rashid.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
2 APRIL 2019

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my